

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPAD : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENKALAN CHEPA]
TARIKH : 17 MEI 2016
NO. SOALAN :

YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini doktor perempuan di hospital kerajaan dan apakah langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah kekurangan doktor pakar sakit puan.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Mac 2016, terdapat seramai 19,500 Pegawai Perubatan perempuan sedang berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Mac 2016, terdapat seramai 278 orang Pegawai Perubatan Pakar Sakit Puan (O&G) yang sedang berkhidmat di KKM.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) prihatin dan sentiasa memantapkan usaha bagi meningkatkan lagi bilangan kepakaran untuk menjamin perkhidmatan kesihatan rakyat. Antara usaha yang telah diambil adalah seperti berikut :

- i. Pewujudan jawatan baru bagi Pegawai Perubatan Pakar secara tukar ganti mengambilkira keperluan perkhidmatan dan fasiliti sedia ada serta tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan;
- ii. Peningkatan slot tajaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana kepakaran dari 800 slot bagi tahun sebelumnya kepada 1000 slot mulai tahun 2015;
- iii. Menggalakkan pegawai perubatan untuk mendapatkan kepakaran dengan mengikuti program laluan parallel (tajaan sendiri);
- iv. Melantik semula (renewal) Pegawai Perubatan Pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.
- v. Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- vi. Mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara *sessional*; dan
- vii. Menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar Negara untuk pulang ke tanah air.